


KE ARAH KECEMERLANGAN MENYELURUH

Enam Aspirasi murid PPPM 2013-2025 bakal melahirkan pemimpin masa depan

Pelajar paling muda terima PhD

> 1 OKTOBER



PELAJAR paling muda dianugerahi Doktor Falsafah (PhD) di Malaysia, Dr. Hazzirah Izzati Mat Hassim, 24, berkelulusan dalam bidang Matematik di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Hazzirah yang merupakan penyelidik muda di Jabatan Sains Matematik, Fakulti Sains UTM merupakan penerima termuda ijazah kedoktoran dalam negara dan institusi pengajian tinggi seterusnya layak mendapat sijil Malaysia Book Of Records.

> 7 OKTOBER

KOLEJ Poly-Tech Mara (KPTM) cawangan Bangi buat pertama kalinya bekerjasama dengan Dublin Business School, Ireland memperkenalkan program Sarjana Muda Sastera dengan keujian dalam bidang Perakaunan dan Kewangan dan sebagai permulaan menghantar 175 pelajar jurusan Perakaunan dan Kewangan mengikuti pengajian di negara tersebut.

> 4 DISEMBER

BUKU bertajuk *Impact of Malaysian Research Universities as the Engine of Growth for Nation Building* dilancarkan oleh Universiti Penyelidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi membuktikan kejayaannya dalam segi pembangunan bakat, penyelidikan prominen, pencipta kekayaan dan penghubung cabaran besar.

> 18 DISEMBER

ISTERI bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali menerima anugerah khas Anugerah Tokoh Srikandi Negara yang pertama kali diperkenalkan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) manakala seramai 14 lagi tokoh wanita turut diberi pengiktirafan atas jasa dan sumbangan terhadap pembangunan Malaysia sama ada di dalam dan luar negara, selain mengumpulkan dana bagi Tabung GPMS.

> 22 DISEMBER

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menerajui pembangunan projek Big Data khususnya berkaitan industri kelapa sawit sebagai keutamaannya demi menjaga keselamatan dan memelihara kepentingan negara daripada ancaman asing.

Big Data merupakan himpunan maklumat daripada pelbagai sumber seperti agensi kerajaan, pemain industri dan data tidak berstruktur yang diperolehi melalui rangkaian atau aplikasi media sosial yang membincangkan sesuatu isu atau topik yang berkaitan.

> 22 DISEMBER

KEPUTUSAN pertama pelaksanaan PT3 2014 menunjukkan beberapa sekolah di luar bandar mencatatkan keputusan semua A dalam semua mata pelajaran tetapi kebanyakan sekolah ternama pula mencatatkan kemerosotan mendadak jumlah pelajar yang mencatat keputusan semua A dalam mata pelajaran.



> 23 SEPTEMBER

PELAJAR Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak, Mohamad Raziekh Md Rizal juara kategori sekolah menengah manakala Ahmad Faiz Yazid dari Sekolah Kebangsaan Parang Puting, Kelantan bagi kategori sekolah rendah menjuarai Pidato Piala Diraja Kementerian Pendidikan kali ke-30.